

TREND PENGGUNAAN BEJANA (AL-ANIYAH) DALAM KONTEKS KLASIK DAN SEMASA MENURUT PERSPEKTIF HUKUM ISLAM

Trends of the Use of Food Container (Al-Aniyah) in Classical and Current Contexts in Islamic Perspective

Norhidayah Pauziⁱ, Sa'adan Manⁱⁱ, Syed Mohd Jeffri Syed Jaafarⁱⁱⁱ, Mohd Hafiz Jamaludin^{iv}, Madiha Baharuddin^v

ⁱPensyarah Kanan, Jabatan Fiqh dan Usul, Universiti Malaya, 50603, Kuala Lumpur, Emel: da_my85@um.edu.my

ⁱⁱProfesor Madya, Jabatan Fiqh dan Usul, Universiti Malaya, 50603, Kuala Lumpur Emel: saadan@um.edu.my

ⁱⁱⁱPensyarah Kanan, Jabatan Fiqh dan Usul, Universiti Malaya, 50603, Kuala Lumpur, Emel: syedjeffri89@um.edu.my

^{iv}Pensyarah Kanan, Jabatan Syariah dan Undang-undang, Universiti Malaya, 50603, Kuala Lumpur, Emel: hafiz_usul@um.edu.my

^vPensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 50603, Kuala Lumpur Emel: madiha@um.edu.my

Abstrak

Penggunaan pinggan mangkuk dan cawan seringkali digunakan dalam kehidupan seharian manusia. Namun, perbincangan mengenai konsep bejana masih kurang diperjelaskan meskipun telah lama dikupas dalam kitab fiqh klasik. Justeru, artikel ini akan membincangkan tentang konsep bejana menurut perspektif hukum Islam. Kajian perpustakaan melalui metode dokumentasi telah digunakan bagi mendapatkan data-data secara primer dan sekunder bagi penyempurnaan artikel ini. Hasil dapatan menunjukkan bejana boleh dihasilkan daripada pelbagai material khususnya daripada emas, perak, permata, tembaga, kulit, tulang dan seumpama dengannya. Para ulama ada yang berpendapat mengharuskan dan mengharamkan penggunaannya dengan memberikan beberapa justifikasi berpanduan kepada penilaian mazhab masing-masing. Namun secara umumnya hukum penggunaan

Abstract

The dinnerware sets are commonly used by all the peoples including the Muslim's community. There is something to ponder about the lack of explanation on the food container (al-aniyah) concept even though it was discussed by Muslim scholars a long time ago. Therefore, this article will discuss the food container (al-aniyah) concept from Islamic perspective based on the classical and contemporary texts. Method of research is to be used from primary or secondary resources based on library method. Research outcomes proved that food container (al-aniyah) made from the various of materials such as the golds, silvers, diamonds, leathers, bones, coppers etc. Some of scholars has determined regarding on permission and prohibition of using the food container (al-aniyah) with justifications based on their own madhhab evaluations. Generally, the principle of the using food

<p><i>bejana pada asalnya adalah harus selagimana tidak ada dalil yang menunjukkan ia haram.</i></p>	<p><i>container (al-aniyah) is permissible until proven that it is haram.</i></p>
<p>Kata kunci: <i>Bejana, fiqh, kepenggunaan, emas, perak.</i></p>	<p>Keywords: <i>food container, islamic jurisprudence, consumerism, gold, silver.</i></p>

PENGENALAN

Bejana seringkali digunakan dalam kehidupan seharian manusia. Bahkan dengan perkembangan semasa pelbagai dekorasi dan pembuatan yang terkini dihasilkan bagi memenuhi permintaan semasa. Keahlian dan kesenian dekorasi pinggan, mangkuk, cawan dan seumpamanya amat menarik minat kaum wanita untuk memilikinya untuk memenuhi keperluan harian juga sebagai koleksi peribadi. Di samping itu, ia turut menjadi barangan cenderahati terutamanya kepada pelancong tempatan dan antarabangsa. Dalam kitab fiqh klasik, para fuqaha telah membincangkan konsep bejana dalam bab *al-'aniyah*. Justeru, artikel ini akan membincangkan tentang konsep *al-'aniyah* dari perspektif hukum Islam. Meskipun konsep ini telah dijelaskan dalam kitab fiqh klasik, namun penulisan berhubungnya masih kurang. Oleh itu, diharapkan penulisan artikel ini mampu menjelaskan konsep *al-'aniyah* secara terperinci mengikut pandangan empat mazhab khususnya dalam konteks fiqh kepenggunaan Islam serta penggunaan bejana moden dalam trend semasa.

SOROTAN LITERATUR

Kajian ini melakukan sorotan literatur dalam bab *al-aniyah*. Kajian yang ditulis oleh `Ali Ibn Jawad al-Husayni al-Khamin (1999), Shihab al-Din Abi al-`Abbas Ahmad Ibn Muhammad Ibn Muhammad Ibn `Ali Ibn Hajar al-Haytami (t.t), Muhammad Ibn Salih al-Uthaymin (t.t) telah mengupas pandangan-pandangan ulama silam serta dalil-dalil yang mengharamkan penggunaan bejana emas dan perak, tetapi mengharuskan penggunaan bejana selain emas dan perak. Manakala, penggunaan bejana kulit dan bejana tulang pula masih berlaku *khilaf* di kalangan para ulama. Dapatan kajian mendapati bahawa ulama silam lebih ketat dalam menjelaskan hukum, pandangan dan hujah mereka. Manakala, ulama kontemporari pula dilihat lebih fleksibel dan mengikut realiti semasa sesuai dengan uruf setempat. Lantaran itu, artikel ini akan menyorot kembali pandangan fuqaha berkaitan dengan penggunaan bejana menurut perspektif hukum Islam klasik dan semasa.

Menerusi kajian moden pula, dapat dilihat penggunaan istilah bejana jarang digunapakai, para pengkaji menisbah penggunaan bejana kepada istilah "bekas makanan". Hal ini dapat dilihat melalui kajian-kajian berhubung penggunaan bekas makanan. Antara kajian berhubung penggunaan bekas

makanan mesra alam (Zurina Ahmad Saidi 2016) yang membincangkan mengenai pengetahuan pelajar berhubung kesedaran penggunaan bekas makana mesra alam. Demikian juga terdapat kajian yang membahaskan secara spesifik berhubung pemansuhan penggunaan polisterine sebagai bekas makanan yang dilakukan di IPG Kent (Kang Hwa Cho 2014). Sepanjang penelitian tiada lagi kajian yang membincangkan berhubung trend penggunaan bejana yang membezakan di antara klasik dan semasa menurut persektif hukum Islam.

Definisi Bejana (*al-Aniyah*) dan Pengkelasannya

Al-'aniyah berasal daripada perkataan bahasa Arab iaitu *ina'* yang bermaksud bekas (tempat air dan lain-lain), balang, jag (C.M Lai Choy, 1998), acuan, balang, batil, bejana, belanga, cawan, mangkuk, tempayan dan sebagainya (Mashitah Baharin, 2008). Justeru, dapat difahami bahawa *al-aniyah* merupakan tempat penyimpanan dan penyediaan makanan dan minuman oleh golongan wanita untuk kegunaan-kegunaan khusus di dapur. Pada era moden kini, pelbagai barangan meja boleh didapati di pasaran seperti melamine, seramik, porselin, kaca dan sebagainya. Bejana boleh diklasifikasikan kepada beberapa kategori tertentu. Dari sudut kepenggunaannya pula, ia terbahagi kepada dua pandangan iaitu harus penggunaannya tanpa sebarang tegahan (Shams al-Din Muhammad, 1967) dan diharamkan penggunaannya secara *qat'i* ('Abd Allah b. Qudamah, 2001). Perincian pengklasifikasiannya adalah seperti berikut:

Penggunaan Bejana Emas dan Perak

Emas dan perak mempunyai nilai kormesil yang tersendiri dalam pasaran dunia. Berteraskan hal ini, bejana yang diperbuat daripada emas dan perak merupakan barangan yang berharga dan bermutu tinggi. Bejana ini direka bentuk seperti pinggan, mangkuk, gelas, cawan dan seumpamanya. Penggunaannya dihukumkan sebagai haram berdasarkan nas yang sahih (Ibn Qudamah, 1972). Oleh itu, bejana emas dan perak diharamkan ke atas seluruh umat Islam secara mutlak (al-Buhuti, 2005 & Ibn Shihab al-Din, 1967).

'Illah pengharaman adalah penggunaannya akan menimbulkan sifat sombong dan riyak kepada pemilik bejana tersebut (Yusri al-Sayyid Muhammad, 2000 & al-Sharbayni, t.t). Asas pengharaman berdasarkan sunnah SAW (Abu 'Abd Allah Muhammad, t.t):

عن أم سلمة: أن رسول الله صلى الله عليه وسلم قال: ((إن الذي يأكل ويشرب في آنية الذهب والفضة إنما يجرجر في بطنه نار جهنم))

Terjemahan: *Daripada Ummu Salamah RA, bersabda Rasulullah SAW: "Sesiapa yang makan dan minum daripada bejana emas dan perak, maka api neraka jahannam menggelegak di dalam perutnya". (Riwayat Bukhari)*

Hadis di atas menunjukkan bahawa pengharaman menggunakan bejana emas dan perak sama ada digunakan untuk kegunaan penyediaan makanan, minuman, bekas minyak wangi, bekas celak ataupun sebagainya (al-Qurtubi, t.t & al-Sharbayni, t.t). Mazhab Hanafi menegaskan, tidak harus menggunakan peralatan pinggan mangkuk yang diperbuat daripada emas dan perak sebagai perkakasan makanan, minuman, dan peralatan wangi-wangian dan seumpama dengannya. Ini kerana, bejana emas dan perak diumpamakan sebagai perhiasan orang-orang musyrik dan penggunaannya termasuk di dalam kategori perhiasan yang berlebih-lebihan (Shams al-Din Ahmad, t.t). Kaedah fiqh menjelaskan bahawa 'ما حرم إتخاذه حرم إستعماله' yang bermaksud sesuatu yang diharamkan menggunakannya, maka diharamkan pengambilannya (al-Suyuti, t.t).

Walau bagaimanapun, terdapat juga peralatan wuduk dan mandian yang diperbuat daripada emas dan perak. Berdasarkan hal ini, para fuqaha tidak sependapat mengenainya. Jumhur berpandangan, hukum penggunaan peralatan wuduk dan mandian yang diperbuat daripada emas dan perak adalah haram. Cuma, sah berwuduk dan mandi menggunakan bejana emas dan perak. Ini kerana hukum bagi wuduk dan mandi serta hukum air yang digunakan untuk keduanya tidak mempuyai kaitan dengan hukum penggunaan bekas emas dan perak. Ia mempunyai persamaan dengan permasalahan solat di atas tanah yang dirampas. Manakala, menurut pandangan mazhab Hanbali, tidak sah mengambil wuduk menggunakan peralatan wuduk yang diperbuat daripada emas dan perak kerana penggunaannya diharamkan dari aspek ibadah (Ibn Qudamah, 1972). Sebaliknya, Islam mengharuskan penggunaan emas dan perak kepada wanita sebagai perhiasan termasuklah pemakaian rantai, gelang, cincin dan subang telinga (Ibn Qudamah, 2001).

Penggunaan Bejana Selain Emas dan Perak

Pembuatan bejana (selain emas dan perak) boleh terhasil sama ada secara perkilangan atau semula jadi. Antara contoh bejana dalam kategori mahal dan bermutu tinggi adalah bejana batu delima, bejana zamrud, bejana batu permata, bejana batuan Belanda dan tembaga (Ibn Qudamah, 1972). Manakala, bejana kulit, bejana kaca dan bejana kayu dikategorikan sebagai tidak bermutu dan berkualiti rendah (Wizarah al-Awqat wa al-Asiyyun, 2006). Penggunaan kedua-dua jenis bejana ini diharuskan dan tidak ditegah oleh syarak (Baha al-

Din `Abd al-Rahman, t.t, Ibn Qudamah, 1972 & Ibn Shihab al-Din, 1967). Imam Shafii menyatakan di dalam kitabnya yang berjudul *al-Umm* (al-Shafi`i, t.t):

Dan tidak ditegah menggunakan bejana-bejana kecuali bejana emas dan perak.

Berdasarkan pandangan Imam Syafi'i, penggunaan bejana selain emas dan perak adalah diharuskan oleh syarak. Terdapat empat kaedah syarak yang mengharuskan penggunaan bejana selain emas dan perak iaitu; pertama, penentuan kaedah *qiyas*. Tidak harus mengqiyaskan hukum penggunaan bejana emas dan perak dengan bejana berharga seperti bejana batu delima, bejana zamrud dan bejana batu Belanda. Hal ini kerana, hukum penggunaan bejana emas dan perak diharamkan secara *qat'i* melalui sunnah (Ibn Ibrahim, t.t & Ibn Qudamah, 1972).

Kedua, kaedah *al-istishab* iaitu hukum asal penggunaan bejana adalah harus sehingga ada dalil lain yang mengharamkannya. Kaedah ini sesuai dengan kaedah fiqh iaitu (الأصل في الأشياء الإباحة حتى يدل الدليل على تحريمه) dan (الأصل في الأشياء (الحل) (al-Nakhlah, 2006). Ketiga, perbuatan Nabi Muhammad SAW, baginda telah mengambil wuduk daripada bekas air yang kecil daripada tembaga, bekas kecil daripada batu, kendi yang dikenali sebagai *jufnah* (bekas air). Perkara-perkara ini diharuskan oleh syarak disebabkan penggunaannya tidak akan menyinggung perasaan golongan yang tidak berkemampuan seperti golongan miskin dan fakir (Ibn Qudamah, 1972). Keempat, kaedah *maslahah* iaitu memperluaskan penggunaan bejana selain emas dan perak bagi tujuan mempermudah kehidupan manusia (al-Nakhlah, 2006). Justeru, penggunaan bejana selain emas dan perak adalah diharuskan oleh syarak.

Penggunaan Bejana Kulit Haiwan

Kulit binatang yang mati sama ada secara sembelihan atau tanpa sembelihan sering dimanfaatkan sebagai bejana minuman dan makanan. Dalam hal ini, para ulama sepakat terhadap kenajisan kulit bangkai sebelum proses samak dilakukan (Hasan Ibn Amar, 1947). Walau bagaimanapun, fuqaha berbeza pandangan terhadap kulit bangkai yang tidak melalui proses samak tetapi dijadikan sebagai bejana minuman dan makanan. Para fuqaha terbahagi kepada dua pandangan.

Pandangan pertama adalah pandangan fuqaha yang mengharuskan penggunaan kulit binatang. Ini kerana kulit binatang yang telah disamak menjadi suci serta harus untuk dimanfaatkan. Antara fuqaha yang mengharuskan penggunaannya adalah Imam al-Syafi'i. Imam Syafi'i menyatakan kulit binatang yang halal dimakan akan suci melalui proses samak. Begitu juga, kulit binatang yang haram dimakan dagingnya seperti

haiwan *al-siba'* akan suci setelah kulitnya disamak. Walau bagaimanapun, Imam al-Syafii tidak sependapat terhadap penggunaan kulit binatang yang haram dimakan seperti anjing dan babi kerana kedua-dua binatang ini dikategorikan sebagai najis *aini* dan haram mememanfaatkannya. Oleh kerana itu, proses sertu yang dilakukan tidak akan merubah sifat dan zat asal kedua-dua haiwan ini (al-Shafi'i, t.t).

Manakala, menurut Imam Abu Hanifah juga berpandangan semua kulit binatang yang halal menjadi suci dengan proses samak kecuali kulit babi dan kulit manusia (Ibn `Abidin, 1966 & Ibn Qudamah, 1992). Kulit babi tidak suci melalui proses sertu kerana kulit babi dikategorikan sebagai najis *aini* dan kulit manusia pula dimuliakan oleh Allah SWT. Imam Abu Hanifah juga berpandangan bahawa harus menggunakan kulit haiwan halal yang dijadikan sebagai peralatan wuduk atau peralatan mandian (Ibn Qudamah, 1972).

Menurut pandangan Mazhab Hanbali (al-Buhuti, 2002) dan mazhab Maliki (Abd al-Barr, 2001), kulit binatang yang telah disamak adalah suci kecuali kulit anjing dan kulit babi (Ibn Qudamah, 1992) dan kulit haiwan boleh digunakan sebagai alatan sembahyang (Wizarah al-Awqat wa al-Asiyyun, 2006). Pendapat daripada Imam Ahmad pula, kesucian kulit bangkai haiwan bergantung kepada jenis haiwan yang digunakan (al-Buhuti, 2002). Walaupun begitu, Islam tidak mengharuskan pembelian dan penjualan kulit haiwan sebelum disamak kerana dilabelkan sebagai najis (Ibn Qudamah, 1972).

Golongan kedua adalah pandangan fuqaha yang mengharamkan. Fuqaha yang mengharamkan penggunaan bejana kulit binatang adalah mazhab Hanbali. Mazhab Hanbali (al-Buhuti, 2005) berpandangan bahawa kulit haiwan sekalipun telah disamak tetap najis (Wizarah al-Awqat wa al-Asiyyun, 2006). Abu Qasim menegaskan hukum setiap kulit yang disamak atau tidak disamak tetap dianggap sebagai najis. Selain itu, tulang, kuku dan tanduk juga najis serta dikategorikan sebagai bangkai haiwan (Ibn Qudamah, 1972). Firman Allah SWT di dalam surah al-Maidah (Ibn Ibrahim, t.t):

حُرِّمَتْ عَلَيْكُمُ الْمَيْتَةُ وَالدَّمُ وَلَحْمُ الْخَنزِيرِ وَمَا أُهْلَ لِغَيْرِ اللَّهِ بِهِ

Terjemahan: *Diharamkan ke atas kamu (memakan) bangkai (binatang yang tidak disembelih), dan darah (yang keluar mengalir), dan daging babi (termasuk semuanya).*

Surah al-Maidah (5): 3

Berdasarkan ayat di atas, haram menggunakan keseluruhan bahagian bangkai haiwan. Lafaz *maytah* adalah lafaz *mufrad* dan *sighah alif lam* menunjukkan lafaz umum (al-Nakhlah, 2006). Oleh yang demikian, pengharamannya tidak hanya

dikhususkan terhadap daging bangkai bahkan termasuk keseluruhan bahagian bangkai haiwan tersebut. Justeru, tidak harus menggunakan kulit haiwan kerana kulit haiwan sebahagian daripada bangkai.

Penggunaan Bejana Tulang

Bejana juga boleh terhasil daripada tulang binatang. Hukum penggunaan bejana tulang yang diambil daripada tulang binatang halal dan disembelih mengikut hukum syarak adalah diharuskan (Wizarah al-Awqat wa al-Asiyyun, 2006). Yusuf al-Qaradawi (1998) menyatakan tulang, kulit dan bulu daripada binatang yang halal dimakan adalah suci. Demikian juga, mazhab Syafi'i (al-Nawawi, t.t) mengharuskan penggunaan tulang jika diambil daripada haiwan yang disembelih mengikut hukum syarak termasuk kuku, tanduk, tulang dan gigi.

Walaupun begitu, ulama berbeza pandangan terhadap bejana yang diambil daripada tulang haiwan haram. Imam Syafi'i (al-Nawawi, t.t) dan mazhab Hanbali (Ibn `Abd al-Barr, 2001) menyatakan penggunaan tulang gajah tidak diharuskan oleh syarak. Manakala, sesetengah ulama mazhab Hanbali berpendapat tulang bangkai adalah najis sama ada daripada bangkai haiwan yang halal dimakan atau sebaliknya. Tulang haiwan tidak akan suci dalam semua keadaan sekalipun. Mereka bersandarkan firman Allah SWT di dalam surah al-Maidah seperti berikut:

حُرِّمَتْ عَلَيْكُمْ أَلْمَيْتَةُ وَالْدَّمُ وَلَحْمُ الْخِنزِيرِ وَمَا أُهْلِيَ لِعَيْرِ اللَّهِ بِهِ

Terjemahan: *Diharamkan ke atas kamu (memakan) bangkai (binatang yang tidak disembelih), dan darah (yang keluar mengalir), dan daging babi (termasuk semuanya).*

Surah al-Maidah (5): 3

Tulang dikategorikan sebagai sebahagian daripada bangkai. Justeru, penggunaan bahagian-bahagian bangkai binatang adalah diharamkan oleh syarak termasuk tulang gajah (Ibn Qudamah (1992). Maka, penggunaannya tidak diharuskan. Oleh itu, hukum penggunaan tulang, kuku, dan tanduk haiwan adalah najis seperti hukum daging bangkai (Ibrahim, t.t). Berdasarkan perbincangan ulama-ulama di atas, hujah golongan kedua menggunakan konsep *ihtiyat* atau berhati-hati dalam menetapkan hukum mengenainya.

Penggunaan Saduran Emas dan Perak

Dalam isu penyaduran emas dan perak dari perspektif hukum Islam, Ibn Qudamah menyatakan bahawa (al-Maqdisi, 1992):

“Penyaduran emas dan perak dalam kuantiti yang banyak diharamkan dalam semua keadaan sama ada saduran tersebut digunakan sebagai keperluan ataupun kehendak manusia.”

Berdasarkan pandangan Ibn Qudamah di atas, beliau mengharamkan penggunaan saduran emas dalam kuantiti yang banyak kerana penggunaannya mengundang sifat kemegahan dan kemewahan. Tetapi terdapat berbezaan terhadap saduran perak kerana penyaduran perak diharuskan dengan tujuan mempermudah kehidupan manusia dan penggunaannya juga tidak menonjolkan unsur-unsur kemegahan dan kemewahan. Pandangan ini selari dengan pandangan Abu Syuja' di dalam kitabnya *al-Iqna' fi al-Hill Alfaz Abi Syuja'*:

“Saduran perak yang digunakan pada permukaan pinggan atau mangkuk dalam kuantiti yang menyeluruh (kullu), sebahagian atau sedikit untuk tujuan perhiasan, maka haram mengambil dan menggunakannya. Walaupun begitu, penggunaannya yang sedikit dalam kadar keperluan maka penggunaannya tidak diharamkan serta tidak ditegah.”

Manakala, Imam al-Nawawi pula menegaskan di dalam kitabnya *al-Majmu' Syarh al-Muhadhdhab*:

“Saduran emas diharamkan penggunaannya sama ada dalam kuantiti yang banyak atau sedikit.”

Berdasarkan penjelasan Imam al-Nawawi tersebut, beliau mengharamkan penggunaan saduran emas (Al-Nawawi (t.t.) Al-Majmu', 310). Demikian juga pandangan Ibn Taymiyyah, bahawa saduran emas termasuk perkara yang ditegah sama ada penggunaannya banyak atau sedikit. Demikian juga, menurut Shams al-Din b. al-'Abbas (Ibn Shihab al-Din (1967), Nihayah al-Muhtaj ila Sharh al-Minhaj, 105):

Saduran bejana yang menggunakan saduran emas dan perak bertujuan untuk perhiasan, maka ia diharamkan.

Walau bagaimanapun, al-Shirazi tidak menegah penggunaan saduran perak dalam kuantiti yang sedikit untuk keperluan manusia namun penggunaan saduran perak yang berlebihan sama ada untuk keperluan atau tujuan perhiasan, hukumnya adalah ditegah oleh syarak (Al-Nawawi (t.t.) Al-Majmu',

312). Pandangan ini berbeza dengan pandangan Ibn Hazm dalam kitabnya *al-Muhalla* (Ibn Hazm (1988), *al-Muhalla bi al-Athar*, 123):

“Penggunaan saduran emas adalah halal bagi wanita, terkecuali golongan lelaki.”

Hal ini jelas menunjukkan bahawa Ibn Hazm mengharuskan penggunaan saduran emas khusus kepada kaum wanita sahaja manakala, saduran emas ke atas kaum lelaki adalah diharamkan (Ibn Hazm (1988), *al-Muhalla bi al-Athar*, 123). Dapat dirumuskan bahawa, ulama berbeza pandangan dalam aspek penggunaan saduran emas dan perak kepada dua pandangan yang utama iaitu pandangan pertama yang mengharamkan penggunaan saduran emas dan perak ke atas permukaan pinggan mangkuk jenama *bone china* kerana ia boleh mengundang kepada perbuatan berlebih-lebihan (*al-israf*) dan riyak. Manakala, pandangan ulama yang mengharuskan penggunaan saduran emas dan perak ke atas bejana berasaskan kepada hukum asal perhiasan emas adalah diharuskan dalam kalangan wanita dan ada sesetengah ulama fiqh juga berpendapat bahawa saduran emas diharuskan penggunaannya dalam kuantiti yang dibenarkan berdasarkan keperluan (*darurah*).

Penggunaan Bejana Moden

Premis makanan kini tampil dengan kelainan daripada segi persembahan bagi menarik perhatian pengunjung untuk menikmati sajian dengan gaya yang berbeza. Trend persembahan makanan yang unik atau berciri ‘hipster’ ini kebiasaannya viral di media sosial untuk menggamit pengunjung dari golongan remaja di ibu kota. Namun, trend ‘hipster’ ini dilihat agak keterlaluan apabila menggunakan pelbagai peralatan penyediaan makanan yang tidak bersih dan membahayakan pengguna. Antara trend persembahan yang digunakan adalah seperti berikut (Astroawani, 2018. Trend Makanan ‘Hipster’ Keterlaluan?):

i. Penggunaan Bekas Tin Susu Yang Dikitar Semula

Viral sebuah kedai makan dipercayai di Pulau Pinang yang menghidangkan minuman kepada pelanggan menggunakan bekas tin susu yang dikitar semula. Perkara ini amat membahayakan kesihatan pengguna. Antara risiko kepada pengguna adalah luka atau trauma pada kawasan muka dan juga risiko keracunan makanan jika tin yang digunakan berkarat atau kotor. Selain itu, beberapa perkara mungkin boleh terjadi antaranya Leptospirosis (kencing tikus), Diabetes Mellitus (kencing manis), Tetanus infection (kancing gigi), trauma luka akibat besi tajam dan penyakit tiga serangkai kesan daripada

kencing manis (Astroawani, 2018. Elak Minum Dalam Tin Kitar Semula Nak Hipster Pun Biar Berpada-Pada).

Justeru, penggunaan peralatan yang dikitar semula jelas bertentangan dengan konsep *halalan tayyiban*. Ini kerana kedua-dua unsur ini penting dalam menentukan status makanan dan peralatan yang digunakan semasa pemposesan makanan agar makanan yang disediakan suci, bersih dan tidak memudaratkan orang lain. Oleh kerana itu, apa sahaja yang boleh mendatangkan kemudaratkan kepada diri sendiri dan orang lain perlu dielakkan.

Pengkaji berpandangan penggunaan peralatan yang dikitar semula adalah sesuatu yang dilarang dalam agama berasaskan konsep “menolak kemudaratkan adalah lebih utama daripada mendapatkan manfaat”. Dalam isu ini, pengusaha premis makanan mendapat manfaat daripada pelanggan kerana pelanggan datang ke premis berkenaan dan mendapat keuntungan daripadanya. Namun begitu, penggunaan peralatan yang dikitar semula memberikan kemudaratkan kepada pelanggan.

Jumhur ulama menetapkan, setiap sesuatu yang memudaratkan masyarakat Islam sama ada dari sudut fizikal, mental, emosi dan spiritual wajib dielakkan seiring dengan sabda Rasulullah SAW:

لا ضرر ولا ضرر

Terjemahannya: *Tidak mudarat dan tidak boleh memudaratkan*

Hadis ini bermaksud, setiap perkara yang mendatangkan kemudaratkan perlu dihilangkan sama ada ia bersifat umum atau khusus. Pada masa yang sama, seseorang individu tidak boleh melakukan kemudaratkan kepada diri sendiri dan orang lain.

Allah SWT telah menegaskan dalam al-Quran supaya manusia memilih makanan yang *halalan tayyiban*. Makanan yang *halalan tayyiban* bukan hanya berkait rapat dengan sumber bahan sahaja namun peralatan yang digunakan perlulah bersih dan tidak memudaratkan. Jelas bahawa penyediaan makanan dan minuman daripada peralatan yang tidak bersih mengundang risiko yang buruk kepada pengguna.

ii. Penggunaan Bekas Makanan ‘Unik’ Berulang

Selain itu, daun pisang, tempurung kelapa dan pasu bunga turut digunakan untuk dihidangkan kepada pelanggan. Ketiga-tiga peralatan ini hanya digunakan sekali sahaja dan tidak boleh digunakan secara berulang kali. Ini

kerana peralatan ini tidak tahan lama dan boleh berlaku risiko pencemaran kuman serta bahan kimia apabila digunakan secara berulang kali. Justeru, penggunaan bekas makanan 'unik' yang berulang akan menyebabkan makanan yang disediakan tidak bersih dan tidak selamat dimakan (Astroawani, 2018. Elak Minum Dalam Tin Kitar Semula Nak Hipster Pun Biar Berpada-Pada).

Pengusaha premis digalakkan untuk bereksperimentasi dan kreatif dalam menghidangkan makanan namun hendaklah mematuhi akta dan peraturan makanan yang termaktub melalui Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia Astroawani, 2018. Trend Makanan 'Hipster' Keterlaluan?).

iii. Penggunaan Mangkuk Tandas

Premis makanan telah menghidangkan makanan dan minuman di dalam mangkuk tandas dan pelanggan duduk di atas jamban duduk yang dijadikan kerusi. Pengusaha premis menjelaskan pembukaan premis ini bertujuan untuk memberikan kesedaran kepada orang ramai mengenai kepentingan kemudahan tandas. Disamping memberikan jaminan makanan yang dihidangkan di premisnya adalah bersih dan selamat (Harian Metro, Kafe Jamban).

Trend premis makanan yang menghidang makanan dan minuman di dalam mangkuk tandas berlaku di Jakarta, Indonesia. Terdapat sebilangan pelanggan yang seronok menjamu hidangan yang disediakan di dalam mangkuk tandas tersebut. Namun ada sebilangan pengguna yang memberikan respon negatif terhadap isu ini apabila tular di media sosial. (Harian Metro, Kafe Jamban).

Walau bagaimanapun, pengkaji berpandangan ia bertentangan dengan uruf dan norma tempatan. Ini adalah kerana tidak sesuai menghidangkan makanan dan minuman dalam bekas makanan yang menjijikkan meskipun makanan yang disediakan adalah halal. Perkara ini ditegah syarak.

Ini kerana tandas adalah suatu tempat manusia menyingkir bahan buangan manusia, kencing dan bahan najis. Islam meletakkan doa yang khusus memohon perlindungan daripada Allah SWT sebelum dan selepas keluar dari tandas. Manakala makanan pula adalah suatu perkara yang dimuliakan bagi manusia, dengan makan dan minuman manusia akan mendapatkan tenaga dan tumbesaran, tempat disalurkan rezeki kepada tubuh badan.

Justeru, adalah sesuatu yang bertentangan apabila sesuatu yang kotor diangkat martabatnya dan diubah kepada sesuatu yang baik. Hal ini juga turut bertentangan dengan uruf masyarakat dan dianggap sesuatu yang jijik. Larangan ini juga berasaskan kaedah fiqh *al'adah muhakkamah* yang berasaskan kepada uruf masyarakat. Ini kerana sekalipun bekas makanan tersebut suci daripada perkara najis pada zahirnya, walau bagaimanapun, pandangan masyarakat masih menganggap bekas makanan daripada mangkuk tandas tersebut adalah perkara yang jijik dan kotor. Pandangan masyarakat ini juga turut diambil kira dalam penetapan hukum syarak selain dalil-dalil syarak yang lain. Bahkan kaedah *al'adah muhakkamah* juga merupakan salah kaedah fiqh utama yang menjadi sandaran bagi kebanyakan hukum syarak.

Menghidangkan makanan dan minuman dalam mangkuk tandas adalah suatu bentuk yang melampaui batas dan bertentangan dengan uruf masyarakat, firman Allah SWT:

كُلُوا مِنْ طَيِّبَاتِ مَا رَزَقْنَاكُمْ وَلَا تَطْعَمُوا فِيهِ فَيَجِلَّ عَلَيْكُمْ غَضَبِي وَمَنْ
يَخْلِلْ عَلَيْهِ غَضَبِي فَقَدْ هَوَى

Terjemahan: *Makanlah di antara rezeki yang baik yang telah Kami berikan kepadamu, dan janganlah melampaui batas padanya, yang menyebabkan kemurkaanKu menimpamu. Dan barangsiapa ditimpa oleh kemurkaanKu, maka sesungguhnya binasalah ia.*

(Taha: 81)

Hal ini juga bertentangan dengan hadith Rasulullah SAW yang menggambarkan mengenai keindahan Islam, yang diriwayatkan dalam Sahih Muslim (Muslim, 1991, *Sahih Muslim*, Hadis No. 147, Bab Tahrim al-Kibr wa Bayanuhu):

إِنَّ اللَّهَ جَمِيلٌ يُحِبُّ الْجَمَالَ

Terjemahan: *Sesungguhnya Allah Swt itu Maha-Indah dan menyukai keindahan.*

KESIMPULAN

Berdasarkan kepada perbincangan fuqaha, bejana boleh dihasilkan daripada emas, perak, batu permata, batu zamrud, batu delima, batu Belanda, tembaga, kulit dan tulang. Penggunaan bejana emas dan perak diharamkan secara mutlak kerana boleh menimbulkan riyak dan berlebihan dalam pemakaiannya. Namun begitu, bagi peralatan wuduk dan mandian yang diperbuat daripada

emas dan perak terdapat khilaf mengenainya kepada dua pandangan, Jumhur mengharuskan penggunaannya, sedangkan mazhab Hanbali pula tidak mengharuskannya. Manakala, bagi penggunaan bejana selain emas dan perak, hukumnya adalah harus kerana asal penggunaan bejana adalah diharuskan syarak. Bagi penggunaan bejana kulit dan bejana tulang pula, hukum menggunakannya terbahagi kepada dua pandangan, pandangan jumhur mengatakan bahawa pengguna kulit dan tulang binatang sebagai bejana adalah dibenarkan setelah dilakukan proses samak kecuali kulit dan tulang daripada babi, anjing dan manusia. Manakala, menurut pandangan mazhab Hanbali, tidak membenarkan kedua-dua bejana ini digunakan kerana kulit dan tulang binatang adalah sebahagian daripada bangkai dan hukumnya najis. Justeru, meskipun dilakukan proses samak, ia tidak akan menyucikan kulit dan tulang tersebut. Adapun berhubung trend penggunaan bejana semasa, pengkaji melihat impak penggunaan bejana tersebut daripada perspektif masalah dan uruf. Sekiranya tiada memberi apa-apa kesan keburukan maka ia akan kembali kepada hukum yang asal iaitu harus, adapun sekiranya memberi kesan yang buruk kepada masyarakat ianya dalam sesuatu yang dilarang.

RUJUKAN

- `Abd Allah b. Qudamah (2001), *al-Kafi fi Fiqh al-Imam Ahmad Ibn Hanbal*. j.1, Beirut: Dar al-Kutub.
- `Ali b. Jawad al-Husayni al-Khamini (1999), *Ahwabut al-Istiftaat*, j.1, Beirut: Dar al-Islamiyyah.
- Abd Rauf Hassan *et al.* (2005), *Kamus*. Selangor: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Abdul Yazid al-Bustommy (2006), *Kamus al-Mukhtar*. c.3. Selangor: Crescent News (KL) Sdn. Bhd.
- Abu `Abd Allah Muhammad b. Isma`il b. Ibrahim b. al-Mughirah b. Bazdizbah (t.t), *Sahih Bukhari*. al-Qahirah: Dar al-Hadith, No. h.: 5694 dlm. Bab Aniyah al-Fidhah.
- Abu `Umar Yusuf b. `Abd Allah b. Muhammad b. `Abd al-Barr (2001), *al-Tamhid lima fi al-Muwatta' min al-Ma'ani wa al-Asanid*. j.10, c. 2. (T.P): al-Faruq al-Hadithah.
- Abu al-`Abbas Ahmad b. `Umar b. Ibrahim al-Qurtubi (t.t), *al-Mufhim lima Ashkala min Talkhis Kitab Muslim*. j.5, c. 2. Damsyiq: Dar Ibn Kathir.
- Abu Muhammad `Abd Allah b. Ahmad b. Muhammad b. Qudamah (1972), *al-Mughni*. j.1, Beirut: Dar al-Kitab al-`Arabi.
- Abu Zakariyya Muhy al-Din Ibn Sharaf al-Nawawi (t.t), *al-Majmu' Sharh al-Muhadhdhab*. al-Qahirah: Matba`ah al-`Asimah.

- Baha al-Din `Abd al-Rahman b. Ibrahim (t.t), *al-`Uddah Sharh al-`Umdah*. Beirut: Dar al-Ma`rifah.
- Dewan Bahasa dan Pustaka (2006), *Kamus Besar Arab Melayu Dewan*. Selangor: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jalal al-Din `Abd al-Rahman al-Suyuti (t.t), *al-Ashbah wa al-Nazair fi Qawa`id wa Furu' Fiqh al-Shafiyyah*. al-Qahirah: (T.T.P).
- Kelana C.M Lai Choy (1998), *Kamus Perwira*. Selangor: Penerbitan Daya Sdn. Bhd.
- Mashitah Binti Baharin (2008), *Thesaurus Bahasa Melayu Dewan*. c. 3. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Muhammad Amin b. `Umar b. `Abidin (1966), *Hashiyat Radd al-Mukhtar `ala al-Durr al-Mukhtar: Sharh Tanwir al-Absar fi Fiqh Madhhab al-Imam Abi Hanifah al-Nu`man*, j.1, c.2. Misr: Mustafa al-Babi al-Halabi.
- Muhammad b. Salih al-Uthaymin (t.t), *al-Fatawa al-Muhimmah*. (T.P): Maktabah Nur al-Huda.
- Muslim, Abu al-Husayn, Muslim bin al-Hajjaj (1991), *Sahih Muslim*, Beirut: Dar al-Kutub al-`Ilmiyyah.
- Shams al-Din Ahmad b. Qudir (t.t), *Nataij al-Afkar fi Kashf al-Ramuz wa al-Asrar*. j.10, Misr: Mustafa al-Babi al-Halabi.
- Shams al-Din Muhammad b. Abi al-`Abbas Ahmad b. Hamzah b. Shihab al-Din (1967), *Nihayah al-Muhtaj ila Sharh al-Minhaj*. Misr: Mustafa al-Babi al-Halabi.
- Shaykh Hasan b. `Amar b. `Ali (1947), *Muraqi al-Falah Sharh Nur al-Idah*. Misr: Mustafa al-Babi al-Halabi.
- Shaykh Mansur b. Yunus b. Idris al-Buhuti (2002), *al-Rawd al-Murbi` bi Sharh Zad al-Mustaqni`: Mukhtasar al-Muqni` fi Fiqh Imam al-Sunnah Ahmad Ibn Hanbal*. Beirut: Dar al-Kutub al-`Ilmiyyah.
- Shaykh Mansur b. Yunus b. Idris al-Buhuti (2005), *Sharh Muntaha al-Iradat fi Jam'i al-Muqni` ma'a al-Tanqih wa Ziyadat*. j. 4, Beirut: Dar al-Kutub al-`Ilmiyyah.
- Shaykh Muhammad al-Sharbayni (t.t), *al-Khatib al-Iqna' fi Hilli Alfaz Abi Shuja'*. j. 1, Singapura: Maktabah wa Matba`ah Sulayman Mar`i.
- Shihab al-Din Abi al-`Abbas Ahmad b. Muhammad b. Muhammad b. `Ali b. Hajar al-Haytami (t.t), *Tuhfah al-Muhtaj bi Sharh al-Minhaj*. j.1, Beirut: Dar al-Kutub al-`Ilmiyyah.
- Yusri al-Sayyid Muhammad (2000), *Jami` al-Fiqh*. j.1, Mansurah: Dar al-Wafa`.
- Yusuf al-Qaradhawi (1998), *The Lawful and Prohibited in Islam*. Abbas Jawad Safi (terj), (T.P): Islamic Culture & Relations Organization (ICRO).

- Shams al-Din Muhammad b. Abi al-`Abbas Ahmad b. Hamzah b. Shihab al-Din (1967), *Nihayah al-Muhtaj ila Sharh al-Minhaj*. Misr: Mustafa al-Babi al-Halabi, h. 102.
- Abu Muhammad `Ali Ibn Ahmad Ibn Sa`id Ibn Hazm (1988), *al-Muhalla bi al-Athar*. j.1, Beirut: Dar al-Kutub al-`Ilmiyyah, h. 123.
- Zurina Ahmad Saidi, Er Ah Choy (2016), Penggunaan Bekas Mesra Alam di Malaysia: Kajian Awal Pengetahuan dan Kesanggupan Pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia dlm Jurnal GEOGRAFIA ONLINE, 113.
- Kang Hwa Cho (2014), Keberkesanan Program Pemansuhan Penggunaan Polistirena di IPQ Kampus Kent, dlm Jurnal Penyelidikan Kent (13)14, hlm 68-80.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.